

جرنل قندیدیقن اسلام

Jurnal

PENDIDIKAN ISLĀM

Jilid 9 Bil. 4 November 2001/Syawal 1422H ISSN 0127-5-153 Harga RM10.00

Ketua Pengarang

DR. GHAZALI BASRI

Penolong Ketua Pengarang

DR. ROSNANI HASHIM

Sidang Pengarang

DR. AB. HALIM EI-MUHAMMADY

HJ. AHMAD MOHAMAD SAID

Diterbitkan Oleh:

INSTITUT PENGAJIAN ILMU-ILMU ISLAM (IPI)

29-2, Jalan 46B/26, Pusat Bandar Sri Rampai, 53300 Kuala Lumpur

Tel: 03-89252477, 89252392, 41428736, 41493433 / 82 Fax: 03-41428772

E-mail: rektor@po.jaring.my Laman Web: www.institute-ipi.com

JURNAL PENDIDIKAN ISLAM

Garis Panduan untuk Penyumbang Artikel / Pelanggan / Pengiklan

Jurnal Pendidikan Islam menyediakan wadah untuk menengahkan isu-isu berkaitan pendidikan dalam perspektif Islam. Sasaran jurnal terbitan 3-4 keluaran setahun ini ialah para pendidik di semua peringkat, pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi dan mereka-mereka yang terlibat dengan pendidikan samada secara langsung atau tidak langsung.

Penyumbang Artikel

Sidang Pengarang mengalu-alukan manuskrip/artikel/kertaskerja/kajian/laporan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk kemungkinan diterbitkan di dalam Jurnal Pendidikan Islam. Setiap manuskrip hendaklah disertakan dengan abstrak dalam lingkungan 100-200 perkataan menerangkan isu yang diketengahkan, ringkasan hujah serta rumusan. Manuskrip hendaklah ditaip langkau dua baris berserta rujukan dan nota. Manuskrip tidak akan dikembalikan dan dengan itu yang asal hendaklah disimpan. Jika dalam bentuk disket, simpan dalam format Microsoft Words atau format Rich Text. Manuskrip hendaklah dalam lingkungan 5000 perkataan dan belum pernah diterbitkan di mana-mana penerbitan. Lampirkan serba sedikit latar belakang penulis dan gambar berukuran pasport. Penerimaan manuskrip bermaksud penulis memberi kebenaran untuk ianya dicetak.

Artikel yang dikeluarkan dalam Jurnal Pendidikan Islam tidak semestinya menggambarkan pendapat Sidang Pengarang. Sidang Pengarang akan bertanggungjawab dalam penentuan kandungan jurnal dan berhak untuk menolak atau membetulkan mana-mana manuskrip yang diterima.

Ulasan Buku

Penerbit dialu-alukan menghantar buku-buku atau penerbitan lain yang berkaitan dengan pendidikan. Ianya tidak akan dikembalikan jika tidak dimaklumkan untuk berbuat demikian.

Iklan

Hanya iklan-iklan tertentu dan yang berkaitan sahaja akan diterima dan bilangan iklan untuk setiap keluaran adalah terhad. Sila hubungi pihak pengurusan untuk maklumat lanjut. Kadar iklan akan dihantar di atas permintaan. Pihak pengurusan berhak menolak mana-mana iklan tanpa memberi sebarang sebab.

Langganan

Kadar langganan untuk 4 keluaran ialah RM32.00 termasuk kos penghantaran. Naskah yang tidak diterima hendaklah diberitahu dalam masa 3 bulan selepas tarikh terbitan dan penggantian bergantung kepada naskah yang masih ada. Sila maklumkan perubahan alamat 4 minggu terlebih dahulu.

Keluaran Terdahulu

Keluaran yang terdahulu boleh diperolehi dengan bayaran RM10.00 senaskah bergantung kepada adanya naskah berkenaan.

Rencana Pengarang Ke Arah Membina Generasi Berfikir

Telah menjadi pengetahuan umum bahawa salah satu matlamat utama pendidikan Islam ialah untuk melahirkan generasi berfikir dalam pengertian yang sebenarnya. Al-Qur'ān menyebutnya dengan istilah *ulul-albâb* yang memberi maksud keupayaan berfikir sehingga wujud kefahaman mendalam dalam diri seseorang tentang kebesaran Allah SWT sekaligus mencetuskan *syu'ur lil 'ubudiyah*, yakni kecintaan untuk memperhambakan diri kepada Allah SWT.

Dalam konteks ilmu pendidikan proses yang membolehkan seseorang individu itu dapat sampai kepada maqam *ulul-al bâb* ini ialah menerusi penguasaan ilmu yang diistilahkan al-Qur'ān sebagai hikmah. Istilah *hikmah* dan *al-hikmah* disebut sebanyak 19 kali dalam al-Qur'ān. Ini menunjukkan betapa tingginya kedudukan ilmu dalam Islam. Dalam banyak keadaan istilah *al-hikmah* disebut selepas *al-kitab*, yakni al-Qur'ān, misalnya:

“Dialah yang mengutus pada kaum yang buta huruf seorang Rasul di antara mereka keterangan-keterangan Tuhan, membersihkan mereka dan mengajarkan mereka Kitab (al-Qur'ān) dan hikmah (ilmu) biarpun mereka dahulunya dalam kesesatan yang terang.” Al-Jumu ‘ah (62), ayat 2

Sayugia diingat, walaupun Islam amat memberi perhatian kepada ilmu dan keupayaan berfikir, namun manusia Muslim yang beriman kecerdasan fikirannya sentiasa terbimbing dan terpandu, sekali-kali tidak akan melakukan pelanggaran terhadap tradisi keilmuan Islam. Maksudnya keupayaan intelektual seseorang itu walau bagaimana tingginya sekali pun ia tetap tunduk dan patuh kepada tuntutan agama kerana ia bersifat samawi. Untuk memastikan bagaimana perlaksanaannya dapat mendatangkan hasil, penggubalan sebuah kurikulum bersepadu yang mencerminkan pembangunan individu secara holistic serta penyediaan matapelajaran menurut konsep hiraki ilmu adalah sesuatu yang perlu.

Dalam hubungan ini tidak juga diabaikan mengenai bentuk-bentuk kemahiran yang harus dibekalkan kepada anak didik agar tahap keupayaan berfikir tinggi dan bermutu. Beberapa istilah al-Qur'ān yang ada kaitannya dengan isu ini mungkin dapat kita sebutkan bagi menunjukkan tingkat-tingkatnya: dimulai dengan istilah *fahima* (proses kefahaman dalam perkara umum), kemudian istilah *faqiha* (juga proses kefahaman dalam soal-soal agama), istilah *'aqala* (proses berfikir, *intellectual activities*), kemudian *dabbara* (proses menimbang, menganalisis) dan mungkin yang paling tinggi istilah *fakkara* (proses berfikir dalam berbagai bentuknya). Mungkin di sinilah wujudnya keperluan kita memperincikan proses berfikir dalam konteks perkembangan ilmu pengetahuan di masa ini.

Kita menemukan beberapa istilah moden yang memberi gambaran tentang tingkat-tingkat berfikir dengan nama-nama seperti: logical, kritis, lateral, kreatif, inovatif dan berbagai lagi. Dari satu segi ia memperlihatkan adanya konsep aras (*level*) dari tahap ke satu tahap: daripada kemahiran berfikir secara *logical*, kemudian ke tahap kritis, kemudian ke tahap lateral dan seterusnya. Tetapi sebenarnya dalam situasi pembelajaran dan perkembangan intelektual seseorang itu amatlah tergantung kepada perkembangan dalam diri dan kerohanian seseorang itu. Menurut pandangan Islam, aras tertinggi yang dapat dicapai seseorang individu itu dapat berfikir ini ialah seperti yang digambarkan oleh konsep *hikmah* seperti yang disebut di awal tadi. Hikmah, yang diertikan sebagai bijaksana (*wisdom*) menggabungkan segala ciri yang terdapat pada berfikir secara logical, kritis, lateral, kreatif dan inovatif. Seperti yang telah disentuh terdahulu dalam al-Qur'an istilah hikmah disebut selepas istilah al-kitab (al-Qur'an). Ini menunjukkan bahawa hikmah merupakan kesan langsung daripada pembelajaran dan penghayatan al-Qur'an. Dalam konteks ini amat jelas kewajarannya apabila Nabi Muhammad s.a.w. menyebut dalam sebuah hadithnya apabila menerangkan kedudukan orang berjihad dengan menggunakan istilah *al-hakimu*, merujuk kepada orang yang berjihad, seperti dalam sabda baginda, s.a.w.

Al-hâkimu, izâ ijtahada fa 'âba, falahu ajrâni, wa izajtahada, fa akhpa' falahu ajrun wahidun" bermaksud:

Seorang ahli hikmah, apabila ia berjihad maka bertepatan ijtihadnya maka baginya dua pahala, dan apabila ia berjihad dan salah ijtihadnya, baginya (masih) satu pahala.

Dalam hubungan ini dapat kita membuat beberapa rumusan. Pertama konsep hikmah yang menjadi prasyarat bagi sesiapa juga yang hendak berjihad memberi maksud tentang ketinggian ilmu yang di dalamnya terdapat unsur-unsur keluasan, kedalaman serta keupayaan berfikir kritis, kreatif serta inovatif, namun tidak terkeluar daripada kerangka syara' dalam mengeluarkan satu-satu pendapat mengenai satu-satu isu. Kedua, setiap individu Islam memang digalakkan untuk mempertajam daya berfikirnya sehingga ia mampu berjihad, kerana pintu ijtihad tetap terbuka jika sekiranya kita benar-benar memahami maksud hadith di atas. Ketiga, bagaimana dapat kita melahirkan individu Muslim yang mampu berjihad, ini memerlukan pendidikan dari awal kanak-kanak lagi. Adalah dirasakan amat perlu bagi kita khususnya di peringkat awal pendidikan untuk mempersiapkan tapak semaian yang subur bagi memupuk kemahiran berfikir serta secara bertahap mempertingkatkan keupayaan berfikir sejajar dengan sistem nilai pendidikan Islam. Dalam perkataan lain, ia melibatkan pembinaan sebuah kurikulum yang menekankan aspek perkaedahan pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada pencapaian matlamat tersebut.

Ketua Pengarang

Senarai Penyumbang (*Contributors*)

Hj. Mahyuddin Bin Ashaari
Ketua Pengarah Yayasan Takmir ABIM

Prof. Madya Dr. Rosnani Hashim
Ketua Jabatan, Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Dr. Hashimah Hashim
Pusat Pengajian Islam, Universiti Sains Malaysia

Muhammad Rizal Razman
Pensyarah Undang-undang, Jabatan Pengurusan dan Pemasaran, Kolej Pengurusan
Bisnes, UNITEN

Hj. Mohideen Bin Mohamad Ali
Department of English Language and Literature, KIRKHS, IIUM

Prof. Dr. Shaharir Bin Mohamad Zain
Presiden ASASI

Dr. Ghazali Basri
Rektor, Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam

